

**DALAM TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA
MALAYSIA DI SEBERANG PERAI TENGAH, PENANG
TUNTUTAN NO: TTPM -P-(P)- 161-2020**

ANTARA

**NORFARHANA BINTI
KAMALUDIN**

... PIHAK YANG MENUNTUT

DAN

**NUR DIANA BINTI ZAINUDDIN
(LIGHT OF LIVE VENTURE)**

... PENENTANG

ALASAN PENGHAKIMAN

PENGENALAN

1. Dalam Borang 1 Peraturan- Peraturan Perlindungan Pengguna (Tribunal Tuntutan Pengguna) 1999, selepas ini disebut Peraturan 1999 yang difailkan pada 12.6.2020 , Pihak Menuntut (PM) membuat tuntutan wang berjumlah RM3000.00 terhadap Pihak Penentang (PP). Wang ini adalah merupakan pembayaran deposit untuk pakej perkahwinan bagi majlis yang akan diadakan pada 28.11.2020.

KES PIHAK PENUNTUT (PM)

1. PM memohon untuk menuntut pemulangan wang berjumlah RM3,000.00 daripada PP. Pada 5.2.2020 keluarga PM telah berjumpa En Harris iaitu wakil daripada PP berkenaan pakej perkahwinan yang bakal dilangsungkan pada 28.11.2020. PM telah membuat bayaran secara *online* kepada PP pada 7.2.2020. Bayaran ini dibuat ke dalam akaun Light of Life Venture, Syarikat perniagaan PP.
2. Menurut PM beliau tidak membuat janji dan tidak sempat menandatangani sebarang perjanjian akibat wabak covid 19 yang melanda negara. PM telah menghantar pesanan *whatsapp* kepada En Harris wakil daripada PP pada 15.4.2020 untuk meminta kerjasama PP agar dapat memulangkan semula wang deposit. Ini adalah kerana pihak kerajaan telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa sebarang acara majlis keramaian tidak dibenarkan. Namun begitu PP enggan memulangkan deposit tersebut.
3. Pada 11.6.2020 lebih kurang jam 1.50 petang abang sepupu PM telah berjumpa En Harris wakil PP untuk membuat perbincangan, akan tetapi PP tetap berkeras tidak mahu memulangkan semula

wang tersebut. Menurut PM, En Harris mendesak kami untuk meneruskan majlis mengikut SOP seramai 20 orang atau menundakan majlis pada tahun hadapan. Keluarga PM juga ada membuat laporan polis pada 11.6.2020 di Balai Polis Timur Laut Tanjung Tokong Pulau Pinang.

4. PM menyatakan harga pakej berkenaan majlis berkenaan ialah RM20,020 dan anggaran jemputan 800 pax. Tambahan lagi tarikh majlis lambat lagi iaitu pada 28.11.2020. Deposit dibayar untuk *lock date* tersebut. PP juga tidak membayar apa-apa lagi makanan, pakaian dan dewan majlis tersebut.
5. Selain tuntutan pemulangan deposit, PM juga membuat tuntutan kos perjalanan, gantirugi kerana PM terpaksa berulang-alik dari Kedah ke Pulau Pinang. Tuntutan seperti kos minyak, kos TOL dan membeli dokumen SSM.

KES PIHAK PENENTANG (PP)

6. PP telah memfailkan pernyataan pembelaannya dalam borang 2 Peraturan 1999 pada 24.6.2020. PP adalah merupakan pemilik tunggal perniagaan Light of Life Venture. Beliau juga adalah pengurus bersama sebuah Restoren bernama Bahtera Impian.

PP mengakui En Harris wakil PP telah berjumpa dengan PM pada 5.2.2020 untuk membincangkan perkara berkenaan dengan majlis perkahwinan PM yang diaturkan atau ditetapkan pada 28.11.2020.

7. PP turut mengesahkan PM telah membuat pembayaran deposit berjumlah RM3,000 secara *online* ke dalam akaun Light of Life venture pada 7.2.2020. Bayaran deposit ini adalah sebagai tempahan majlis perkahwinan PM pada 28.11.2020. PP menyatakan pekerja PP iaitu En Amirul telah memberikan kepada PM salinan resit bagi deposit yang telah dibayar tersebut dan salinan maklumat tempahan melalui kaedah pesanan *whatsapp*. Kedua-dua perkara ini mengikut PP, tidak pernah dipertikai oleh PM.
8. Dalam salinan maklumat tempahan tersebut telah dinyatakan dengan jelas iaitu jika PM membuat pembatalan tempahan, segala wang deposit tidak akan dipulangkan oleh pihak Bahtera Impian. PP menegaskan perkara pelucutan wang deposit sekiranya dibuat oleh PM sendiri adalah dalam pengetahuan PM dan tidak pernah dipertikaikan oleh PM.

9. Dalam bulan April 2020 lagi PM ada menghubungi En Harris dan En Amirul wakil PP dengan mengatakan kerajaan mengumumkan kesemua kenduri/Majlis keramaian tidak dibenarkan. Dengan itu PM mahu membatalkan tempahan majlis perkahwinannya dengan PP. En Harris telah menyatakan tarikh majlisnya pada bulan November 2020, berkemungkinan tidak terjejas. Namun PM bertegas untuk membatalkan tempahan majlis perkahwinan tersebut.
10. Pada 11.6.2020 PM bersama tunangnya dan abang PM (En Firdaus) telah berjumpa En Harris untuk cuba menyelesaikan berkenaan dengan wang deposit tersebut. Pertengkaran mulut berlaku semasa perbincangan itu. PP menafikan En Harris pernah mendesak PM meneruskan majlis pada tahun hadapan atau mendesak PM meneruskan majlis mengikut SOP sejumlah 20 orang.
11. PP menyatakan tidak terdapat apa-apa makluman lagi daripada kerajaan berkenaan dengan kedudukan majlis perkahwinan pada bulan november 2020. Pada masa itu Perintah kawalan pergerakan pemulihan berkuatkuasa sehingga 31.8.2020. Ini tidak menjejaskan tarikh majlis perkahwinan pada bulan November 2020. Namun PM berdegil untuk membatalkan majlis

itu. En Harris juga telah membuat laporan polis pada 11.6.2020 di Balai Polis Tanjong Tokong, Timur Laut, Georgetown Pulau Pinang.

12. Memandangkan PM sendiri yang membatalkan tempahan majlis tanpa sebarang kesalahan dan/atau kemungkiran daripada PP maka pembelaan PP adalah mereka berhak untuk tidak memulangkan deposit yang dibayar oleh PM dan berhak untuk melucuthak wang tersebut.

KEPUTUSAN TRIBUNAL

13. Isu yang perlu diputuskan adalah sama ada PP berhak melucuthak dan /atau merampas wang deposit berjumlah RM3,000 yang dibayar oleh PM pada 7.2.2020 sebagai deposit pakej majlis perkahwinan yang di aturkan akan dibuat pada 28.11.2020.

14. Dalam dokumen “Maklumat Tempahan” menyatakan “.....*Saya juga memahami secara jelas jika saya membuat pembatalan tempahan, segala wang tempahan, segala wang deposit saya tidak akan dipulangkan oleh pihak Bahtera Impian dibawah*

pengendalian LOL Event Management". PP menyatakan berdasarkan terma ini, PP berhak untuk tidak memulangkan RM3,000 semula kepada PM.

15. Dalam kes ini tidak dipertikaikan PM telah mendapatkan perkhidmatan PP untuk pakej perkahwinan yang diatitkan akan berlangsung pada 28.11.2020. Bayaran untuk deposit berjumlah RM3,000 juga telah diterima oleh PP melalui pembayaran *online* ke dalam akaun Light of Life Venture pada 7.2.2020. Harga pakej ialah RM20,020 dan anggaran jempitan 800 pax. Pada 15.4.2020 melalui pesanan *whatsapp*, PM telah meminta PP memulangkan semula wang deposit kerana pengumuman kerajaan mengenai wabak pandemik covid19. PP juga tidak pertikaikan belum lagi membuat apa-apa bayaran mengenai makanan, pakaian dan sewa dewan.

16. Bayaran deposit ini adalah sebagai tanda persetujuan PM untuk memasuki kontrak dengan PP. Tribunal dapati dokumen maklumat tempahan yang terkandung terma pemulangan deposit tidak dan/ atau belum ditandatangani oleh penempah iaitu PM dalam kes ini. Perkara ini tidak dinafikan oleh PP. PM menyatakan dokumen tidak ditandatangani akibat PKP yang diumumkan oleh kerajaan pada masa itu. PP pula mengatakan

salinannya telah dihantar melalui whatsapp dan dalam pengetahuan PM (perkara ini tidak dikemukakan kepada tribunal).

17. Dalam kes ini PM memaklumkan hasrat untuk mendapatkan kembali wang depositnya pada 15.4.2020. Ini suatu tempoh yang amat munasabah dalam sesuatu kes pembatalan majlis yang dijangka diadakan pada 28.11.2020. Bayaran untuk makanan, pakaian dan dewan pun belum dibayar lagi. Fakta dokumen tempahan majlis belum ditandatangani oleh PM menguatkan lagi kes PM. Tribunal tidak dapat membuat andaian disini bahawa PM telah bersetuju terma dan syarat mengenai tempahan tersebut tanpa tandatangan PM dalam kontrak tersebut walaupun PP mengatakan termanya dalam pengetahuan PM. Sebab pembatalan juga terdapat justifikasinya. Dalam keadaan negara dilanda wabak pandemik covid 19, PM tidak mahu mengambil risiko keselamatan kepada jemputannya. Dengan SOP kerajaan yang ketat, risiko kehadiran jemputan juga perlu diambi kira. Tindakan PM dalam keadaan ini adalah munasabah.

18. Seksyen 24A (c) Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) menyatakan terma tidak adil bermaksud terma dalam kontrak

pengguna dengan mengambil kira semua hal keadaan, menyebabkan ketidakseimbangan yang signifikan dalam hak dan tanggungjawab pihak-pihak di bawah kontrak itu sehingga merugikan pengguna. Dalam kes ini PM tidak ada opsi untuk tawar menawar mengenai terma kontrak. Terma ini memang merugikan dan menindas pengguna. (Rujuk seksyen 24C (b) Akta 599). Lebih parah lagi PM belum lagi menandatangani dokumen berkenaan sebagai tanda memahami dan bersetuju dengan terma kontrak. Akta 599 ini diwujudkan antara lain adalah bagi perlindungan pengguna. Menurut seksyen 24G Akta 599 kesan dari terma yang tidak adil, Tribunal memutuskan bahawa kontrak atau terma kontrak tidak boleh dilaksanakan atau batal dan Tribunal boleh membuat award sebagaimana di bawah seksyen 112 Akta 599.

19. Mengenai Tuntutan gantirugi kerana kos minyak, TOL, membeli dokumen SSM, kos perjalanan, tribunal tidak dapat mempertimbangkan tuntutan ini. Award mengenai supaya kos dibayar terdapat dalam seksyen 112 Akta 599. Namun dalam kes ini Tribunal tidak membenarkan kos ini diberikan kepada PM. Tiada satu resit atau dokumen dikemukakan oleh PM bagi tuntutan ini.

Award- Borang 10 (Peraturan 1999)

20. Mengikut peruntukan seksyen 112 (2)(a) Akta 599, PP hendaklah memulangkan semula deposit RM3,000 kepada PM dalam tempoh 14 hari dari tarikh award (26.8.2020)

Bertarikh: 26 Ogos 2020

t.t

ABDUL RASHID BIN DAUD
PRESIDEN TRIBUNAL TUNTUTAN
PENGGUNA MALAYSIA